

Keluarga sumber inspirasi kebahagiaan An Najwa

1 KELUARGA

SAYA akan sentiasa mengingati keluarga apabila berada di mana-mana sahaja terutama ketika menyertai kejohanan di luar negara.

Keluarga merupakan tunjang belakang yang mencorak hidup saya. Mereka juga menjadi pembakar semangat dan sentiasa memberi nasihat serta sokongan sepanjang karier dan juga dalam kehidupan sehari-hari.

2 MAKANAN

KALAU saya tidak menjalani latihan, perkara yang menggembirakan saya merupakan makanan. Antara makanan kegemaran yang membuatkan saya bahagia ialah donut, piza dan makanan segera.

Dalam pada itu, saya juga menggemari masakan Negeri Sembilan seperti masak lemak cili api kerana ia mempunyai rasa yang enak dan membangkitkan selera.

3 TIDUR

APABILA mempunyai masa terluang, satu perkara yang gemar saya lakukan adalah tidur. Dengan mendapat tidur yang cukup, saya bukan sahaja dapat berehat tetapi juga dapat meredakan kekusutan.

Ia merupakan satu terapi yang sangat baik dalam mengembalikan semula keyakinan diri dan tenaga terutama apabila penat menjalani latihan.

4 GIMNASIUM

SAYA gemar berkunjung ke gimnasium. Salah satu rutin yang membahagiakan saya apabila berada di dalam gimnasium apabila dapat melakukan angkat berat.

TEMASYA Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 baru-baru ini menjadi lipatan sejarah tersendiri dalam landskap sukan tanah air.

Pada temasya tersebut, bola jaring merupakan antara salah satu sukan yang menjadi tumpuan peminat-peminat untuk memberi sokongan kepada atlet negara.

Pasukan bola jaring kali ini berjaya menamatkan kemarau selama 16 tahun skuad negara untuk menggenggam pingat emas dalam temasya Sukan SEA.

Salah seorang daripada pemain bola jaring yang berjaya menuai pingat emas pada temasya tersebut ialah An Najwa Azizan yang merupakan pemain posisi penjaring utama (GS).

Kelibat pemain berusia 20 tahun itu mencuri tumpuan apabila sering mengecewakan pihak lawan dengan jaringan-jaringan menarik sekali gus menjelmakan mata kemenangan kepada negara.

Kosmo! Ahad mendekati penuntut Universiti Putra Malaysia dalam jurusan komunikasi massa yang cukup ceria itu untuk berkongsi perkara yang membahagiakannya di dalam dan di luar gelanggang.

10 Tanda Bahagia

BERSAMA ORANG TERNAAMA
Dikelolakan oleh NADZARUL AMIR ZAINAL AZAM



5 SASARAN

SETIAP insan bergelar atlet sudah pasti mempunyai sasaran tersendiri dalam karier masing-masing. Saya tidak terkecuali meletakkan sasaran untuk dicapai termasuk dalam kehidupan.

Saya akan berasa bahagia apabila dapat memenuhi sasaran yang telah ditetapkan dalam kejohanan maupun kehidupan. Salah satu sasaran yang membahagiakan saya apabila dapat menuai pingat emas untuk negara sewaktu temasya Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 baru-baru ini.

6 MELANCONG

KALAU mempunyai masa terluang saya tidak akan melepaskan peluang untuk menghabiskan masa bersama

keluarga dan sahabat-sahabat rapat dengan melancong atau pergi bercuti.

Bagaimanapun, saya hanya akan melakukan perkara tersebut sekiranya tidak berasa penat kerana ia dapat memberi peluang menghabiskan masa berkualiti bersama keluarga dan sahabat-sahabat rapat.

7 MUZIK

SAYA gemar mendengar muzik untuk menghilangkan tekanan dan menenangkan fikiran. Saya paling suka mendengar lagu *Bunga Angkasa* dendangan kumpulan Terra Rossa.

8 KASUT

SAYA tidak gemar memakai kasut tumit tinggi. Justeru, saya lebih gemar mencari kasut sukan dan ia merupakan salah cara untuk menggembirakan hati. Memandangkan sukar untuk saya mencari saiz kasut, jadi apabila berkesempatan menyertai kejohanan di luar negara, saya akan mencari kasut sukan di sana.

9 FILEM

SAYA gemar menonton filem apabila mempunyai masa terluang. Saluran yang saya gemar ikuti seperti Netflix and Chill. Saluran tersebut mempunyai pelbagai pilihan filem yang menarik untuk ditonton mengikut mood.

10 'MELEWEH'

SAYA suka 'meleweh' atau maksudnya gemar memperkenalkan sesuatu sesuai dengan sifat saya seorang yang ceria dan ingin berkongsi kegembiraan.



AN NAJWA